



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (7)

1 Oktober 2002

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 7/2002 :
PELAKSANAAN MATA PELAJARAN
ENGLISH FOR SCIENCE AND TECHNOLOGY (EST)

Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan memaklumkan bahawa mata pelajaran **English for Science and Technology (EST)** akan diperkenalkan bagi peringkat sekolah menengah atas seluruh negara pada Tahun 2003.

2. Mata pelajaran EST adalah mata pelajaran **Elektif yang Wajib** diambil oleh semua murid **Tingkatan 4 dan 5 aliran Sains dan Teknologi**. Bagi murid yang **bukan dalam aliran Sains dan Teknologi** mereka bolehlah mengambil mata pelajaran EST sebagai mata pelajaran **Elektif Pilihan**. Mata pelajaran EST akan ditawarkan dalam peperiksaan SPM Tahun 2004.
3. Peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran EST adalah sebanyak **tiga (3) waktu iaitu seratus dua puluh (120) minit seminggu** dan hendaklah dimasukkan dalam jadual waktu rasmi sekolah. Pengajaran dan Pembelajaran EST hendaklah mengguna pakai Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah dan Pengetua serta Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia